



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 10/2008
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN CUTI TAHUNAN DAN PEMBERIAN ELAUN CUTI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa perenggan 16 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 17/1992 adalah dipinda seperti berikut:

16. Pegawai-pegawai yang layak diberi Elaun Cuti setiap tiga tahun sekali bolehlah diberikan Elaun Cuti mereka dengan tidak payah memohon Cuti Tahunan dan keluar negeri. Permohonan bagi mendapatkan Elaun Cuti tersebut hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan Elaun Cuti yang ditetapkan seperti lazimnya.

2. Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

Dengan hormat

[DATO PADUKA HAJI MUSTAPPA BIN HAJI SIRAT]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (10)/JPM/SK/2008
Tarikh : 14 Zulkaedah 1429/13 November 2008